

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
INTAN  
PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN PUSPANITA YANG KE-9  
BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR  
18 MEI 1991**

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama hadir di majlis ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada PUSPANITA kerana menjemput saya ke Majlis ini dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Yang ke-9.

2. Saya sentiasa mengikuti dengan penuh minat perkembangan PUSPANITA. Sehingga ini, kemajuan yang dicapai oleh PUSPANITA adalah menggalakkan. PUSPANITA kini lebih kukuh dan mantap. Di samping itu, PUSPANITA berjaya menyatukan tenaga suri dan anggota wanita dalam perkhidmatan awam dengan keahliannya meningkat hampir 22,000 orang. Ini adalah satu pencapaian yang amat baik.

3. Sebagai Penaung, saya merasa bangga PUSPANITA telah dapat mengatur dan mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang berfaedah dengan jayanya. Program-program dalam bentuk kursus, seminar, ceramah, lawatan sambil belajar yang bertujuan menambahkan pengetahuan ahli-ahli amatlah berfaedah dan hendaklah diteruskan. Dalam hal ini, ahli-ahli hendaklah juga didedahkan kepada bidang-bidang berkaitan dengan kesihatan diri dan keluarga, pelajaran, agama serta hal ehwal semasa dalam negara dan juga antarabangsa.

4. PUSPANITA boleh memainkan peranan yang amat berkesan dalam usaha meningkatkan lagi taraf hidup anggota keluarga perkhidmatan awam. Selaras dengan pembangunan pesat negara, berbagai-bagai cabaran sudah pasti akan kita hadapi. Oleh yang demikian, ahli-ahli PUSPANITA hendaklah juga membuat persediaan-persediaan untuk menghadapi segala cabaran ini. Jika kita tidak bersedia, kita akan ketinggalan. Sebagai satu kumpulan yang berpengaruh dan penting, kaum wanita juga boleh menyumbang ke arah menjayakan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, PUSPANITA harus memikirkan program-program serta kegiatan-kegiatan yang sesuai supaya semua ahlinya akan juga dapat turut memainkan peranan yang berkesan. Saya yakin di samping kita berusaha bersama untuk mempertingkatkan dan memajukan lagi diri sendiri dan keluarga masing-masing, PUSPANITA juga boleh menyumbang ke arah mencapai matlamat pembangunan negara.

5. Ahli-ahli PUSPANITA yang terdiri daripada ibu-ibu dan suri-suri rumah adalah penggerak utama dalam membentuk keluarga bahagia. Dalam diri setiap ibu, telah ada sikap semula jadi sebagai seorang penyayang, pembimbing dan pemberi teladan

yang baik kepada anak-anak. Didikan dan asuhan yang sempurna yang diberikan kepada kanak-kanak semasa kecil akan membantu pembentukan peribadi yang mulia apabila kanak-kanak itu dewasa nanti. Oleh itu, adalah penting ibu-ibu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berfaedah supaya kita dapat mendidik dan membimbing anak-anak kita dengan lebih sempurna. Tidak kurang penting ialah meluangkan masa atau memperuntukkan masa yang cukup untuk bersama-sama dengan anak-anak, kerana ini sangat penting dalam menjalin hubungan yang mesra erat dengan anak-anak kita.

6. Pelajaran adalah penting kerana ianya dapat mencerahkan masa depan anak-anak kita. Dalam hal ini, ahli-ahli PUSPANITA boleh memainkan peranan menggerakkan minat membaca di kalangan anak-anak. Sekiranya setiap keluarga dapat menggerakkan minat membaca di kalangan anak masing-masing, kita akan membantu mewujudkan generasi yang berpengetahuan dan boleh berfikir dengan baik. Dalam usaha menanam minat membaca di kalangan anak-anak kita, idea mengadakan mini perpustakaan di rumah adalah suatu yang baik.

7. Seperti yang kita sedia maklum, masa yang paling sesuai untuk kita menanam nilai-nilai yang murni kepada anak-anak kita ialah semasa mereka kecil. Menanam nilai-nilai murni seperti cintakan negara, kebersihan, tolong menolong dan menjauhi diri daripada perbuatan-perbuatan yang tidak baik adalah sebahagian daripada tanggungjawab kita. Dengan menanam nilai-nilai murni ini, kita dapat membantu mewujudkan warganegara Malaysia yang lebih bertanggungjawab.

8. Saya percaya PUSPANITA mempunyai kebolehan dan berupaya memikirkan cara-cara sesuai ke arah membantu mencapai matlamat-matlamat yang disebutkan tadi. Selaras dengan Program Kerja Lima Tahun PUSPANITA Kedua (1988 - 1993), saya berharap PUSPANITA akan dapat mengatur dan mengadakan program-program yang lebih berkesan ini.

9. Di Mesyuarat Agung kali ini, saya berharap puan-puan akan dapat menggunakan kesempatan yang ada untuk berbincang, bertukar-tukar fikiran dan pendapat mengenai rancangan-rancangan dan aktiviti kerja yang boleh diadakan untuk mencapai objektif-objektif murni Persatuan. Semangat bekerjasama dan 'team work' antara ahli-ahli PUSPANITA hendaklah diamalkan agar ia terus kekal dan berkembang. Saya harap mesyuarat pada hari ini akan menghasilkan beberapa rumusan yang berfaedah kepada puan-puan semua. Saya berdoa semoga PUSPANITA akan terus maju dan berjaya.

10. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA ke-9 ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.